

21 AUG 2001

WTO-LALUAN

PUSINGAN BARU TIDAK JAMIN LALUAN PASARAN, KATA MARTIN KHOR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 21 Ogos (Bernama) -- Negara-negara Afrika tidak harus terpedaya untuk menyetujui satu pusingan baru rundingan pada mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Doha November ini.

Dakwaan oleh penyokong-penyokong cadangan mengadakan satu pusingan baru bahawa ia akan memberikan laluan bermakna ke pasaran-pasaran maju bagi sektor pertanian, tekstil dan sektor-sektor lain adalah tidak berasas, kata Pengarah Rangkaian Dunia Ketiga, Martin Khor.

Berucap pada Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 di sini, hari ini, beliau berkata bahawa memandangkan rekod buruk negara-negara maju yang tidak memenuhi komitmen masing-masing, maka jaminan bagi laluan pasaran ini tidak wujud langsung.

Mereka juga membuat dakwaan demikian hanya untuk memastikan bahawa negara-negara membangun menerima kemasukan isu-isu baru ke dalam WTO, katanya semasa perbahasan bertajuk "Smartening up to the WTO - Towards a Two-Way Street" yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khor berkata, perjanjian dan obligasi baru dalam bidang-bidang baru ini amat berbahaya bagi negara-negara membangun yang akan mendapati lebih banyak pilihan pembangunan tertutup bagi mereka.

Katanya, membincangkan isu-isu baru seperti pelaburan, persaingan dan pemerolehan kerajaan di Doha November nanti adalah tidak sesuai kerana WTO adalah sebuah badan perdagangan pelbagai hala yang membuat dan menguatkuasakan peraturan berkaitan dengan perdagangan.

"Ia harus patuh kepada mandatnya dalam menangani isu-isu perdagangan," katanya.

Kata beliau, negara-negara maju berhasrat membawa masuk banyak isu bukan perdagangan ke dalam WTO, bukan kerana ia akan memperkukuhkan sistem perdagangan, tetapi kerana ia akan membolehkan mereka menggunakan sistem penguatkuasaan WTO untuk melibatkan negara-negara dalam sistem penyelesaian pertikaian dan mengenakan sekatan perdagangan.

Negara-negara membangun akan mengalami kerugian besar dan kehilangan kedaulatan ekonomi mereka serta keupayaan masing-masing untuk membuat dasar negara sendiri berhubung isu-isu ekonomi, kewangan, sosial dan politik.

Khor berkata tujuan sebenar negara-negara maju ialah untuk membolehkan syarikat-syarikat besar mereka memasuki pasaran-pasaran negara membangun secara bebas.

Kerajaan-kerajaan di negara-negara mundur akan kehilangan keupayaan untuk mengawal kemasukan dan operasi firma-firma asing dan memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat tempatan dari segi dasar atau kontrak.

Inilah tujuan isu-isu pelaburan, persaingan dan pemerolehan.

Di samping itu, isu-isu piawaian buruh dan alam sekitar boleh menyediakan tapak bagi dasar perlindungan bentuk baru terhadap produk dan firma negara-negara membangun melalui piawaian yang tinggi.

Kemasukan isu-isu baru ini adalah saripati daripada apa yang dimaksudkan oleh negara-negara maju dengan melancarkan "pusingan baru yang lengkap".

"Isu inilah yang menjadikan pusingan baru ini baru bagi mereka. Mereka memberikan gambaran yang salah bahawa tanpa isu-isu baru ini, WTO akan kehilangan dinamisme atau tiada perkara untuk dibincangkan.

"Tetapi ini tidak benar kerana agenda WTO sudahpun penuh, sekalipun tanpa isu-isu baru ini," kata Khor sambil menegaskan bahawa mesyuarat

peringkat menteri di Doha tidak harus melancarkan pusingan baru dengan
isu-isu baru. -- BERNAMA
MR MKO KTC KY OS